



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development and Communications

Perkhidmatan perlombongan, bangunan dan tenaga, perlindungan pengguna dan kawal atur keselamatan

Disampaikan oleh Jabatan Lombong, Peraturan Industri
dan Keselamatan di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

Perkhidmatan

Jabatan Lombong, Kawal Atur Industri dan Keselamatan, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan perkhidmatan yang berikut di Wilayah Lautan Hindi:

- Kawal Atur Sumber dan Persekitaran: bertanggungjawab terhadap perkhidmatan Hak Milik Galian, perkhidmatan royalti dan pengurusan persekitaran
- Kawal Atur Industri dan Perlindungan Pengguna, yang merangkumi:
 - Bahagian Bangunan Dan Tenaga: bertanggungjawab mengawal atur perkhidmatan bangunan, mengecat, meninjau bangunan dan kerja paip serta cara selamat menggunakan elektrik dan gas
 - Perlindungan Pengguna: bertanggungjawab terhadap perdagangan adil, hak pengguna, undang-undang penjualan dan penyewaan harta tanah, beberapa lesen pekerjaan, koperasi dan undang-undang untuk kegiatan yang tidak mengambil keuntungan.
- Kawal Atur Keselamatan, yang merangkumi:
 - WorkSafe: mempromosikan dan menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja industri am, perlombongan dan keselamatan barang petroleum yang berbahaya.

Apakah ertiannya bagi saya?

Jabatan Lombong, Kawal Atur Industri dan Keselamatan berusaha seiring dengan anda untuk menjamin taraf keselamatan dan perlindungan yang tinggi untuk majikan, pekerja dan pengguna.

Sebagai anggota komuniti:

- bangunan yang anda masuki, serta elektrik dan gas yang anda gunakan semuanya bertaraf tinggi, dengan itu mengurangkan risiko berlakunya kecederaan terhadap anda sekeluarga

- penjual dan pedagang yang dikehendaki berlesen atau berdaftar semuanya layak melaksanakan kerja yang dilakukan untuk anda
- terdapat sistem yang kukuh untuk mentadbir pegangan perlombongan dan aturan disediakan untuk memastikan kewajipan pegangan perlombongan ini ditunaikan
- komuniti menerima pulangan daripada pembangunan sumber galian dan petroleum mereka selaras dengan undang-undang dan perjanjian pajakan yang berkenaan
- pematuhan undang-undang persekitaran diuruskan dengan sewajarnya oleh semua operasi perlombongan
- komuniti dilindungi melalui cara selamat menggunakan produk berbahaya.

Sebagai pengguna atau penjual barang dan perkhidmatan:

- anda dengan sendirinya dilindungi oleh jaminan pengguna yang tertentu apabila anda membeli, menyewa atau memajak barang (selamat, bertahan, tiada kecacatan, bermutu baik dan boleh melakukan segala-gala yang didakwa boleh)
- pemberi khidmat mesti sewajarnya cermat dan mahir
- penyewa harta tanah boleh menghendaki agar syarat-syarat yang tertentu dipenuhi
- anda boleh mengemukakan aduan apabila anda mengenal pasti amalan yang tidak adil dan hal itu akan disiasat.

Sebagai majikan atau pekerja:

- anda berusaha seiring dengan orang lain di tempat kerja untuk menjaga keselamatan dan kesihatan suasannya
- anda boleh memohon nasihat daripada WorkSafe
- anda boleh melaporkan kekhawatiran keselamatan atau kesihatan kepada WorkSafe

Kewajipan ini merangkumi tempat kerja umum serta tempat kerja sektor galian dan petroleum.

Sebagai majikan, anda boleh mendapatkan maklumat untuk menyokong peranan anda dalam komuniti, memahami kewajipan anda berhubung dengan para pekerja, pengguna dan tempat anda serta mematuhi peraturan yang dikenakan.

Kewajipan utama majikan adalah untuk menyediakan tempat kerja yang selamat.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Lombong Dan Petroleum	08 9222 3333
Bangunan Dan Tenaga	1300 489 099
Perlindungan Pengguna	1300 304 054
Kawal Atur Keselamatan – industri am WorkSafe	1300 307 877
Keselamatan Sumber Kawal Atur Keselamatan	08 9358 8002
Talian Laporan Kemalangan Atau Kejadian Buruk (Bangunan Dan Tenaga, dan WorkSafe)	1800 678 198 (24 jam)
Talian Laporan Kemalangan Atau Kejadian Buruk (Perlombongan)	1 800 SAFEMINE (1800 723 364) (24 jam)
E-mel	online@dmirs.wa.gov.au
Laman web	www.dmirswa.gov.au